



# Alumni UMP hulur sumbangan bantu ringan beban Mughirah

Oleh: MOHD NAJIB RAZALI

Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) turun padang membantu seorang ahlinya Mughirah Abdullah dengan menyampaikan sumbangan wang tunai kira-kira RM8313.10 di kediaman beliau di Kemaman, Terengganu pada 21 April 2012 yang lalu.

Mughirah yang menghidap penyakit barah usus merupakan alumni pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Sumbangan disampaikan Timbalan Presiden Alumni UMP, Mohd Najib Razali kepada bapa Mughirah.

Turut hadir Naib Presiden, Junaidi Zakaria, dan dua orang ahli jawatankuasa tertinggi iaitu Muhammad Ammar Nik

Mu'tasim dan Kamarul Azli Nordin.

Ketika di UMP, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Presiden, Chemical Engineering Society (CHEST).

Mohd Najib berkata, keadaan terkini Mughirah sihat dan sedang menjalani rawatan kimoterapi di Hospital Kuala Lumpur dan terpaksa berulang alik dari Kemaman ke Kuala Lumpur.

“Sebagai badan yang bertanggungjawab kepada kebajikan alumninya, pihaknya juga tidak terlepas dalam menghulurkan bantuan dengan bertekad memenuhi tanggungjawab sosialnya membantu mereka yang memerlukan,” katanya.